



**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG  
JALAN PINANG RAJA  
32040 SERI MANJUNG  
PERAK DARUL RIDZUAN**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bertaraf **BUMIPUTERA** di bawah kod bidang **020801, 020802, 020804, 020899 dan 222401** yang masih sah dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, kewangan yang kukuh dan stabil serta peralatan dan kenderaan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIRAN TAWARAN/ RUJUKAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR BORANG	HARGA DOKUMEN SENASKAH (RM)
1.	Sebut Harga Untuk Membekalkan Dan Menghantar Pakaian Seragam Untuk Kakitangan (Luar Pejabat) Majlis Perbandaran Manjung <b>MPM JKP / SH / 5 / 2020</b>	020801 Pakaian  <b>Dan / Atau</b>  020802 Kelengkapan Pakaian  <b>Dan / Atau</b>  020804 Pakaian Keselamatan Kelengkapan & Aksesori  <b>Dan / Atau</b>  020899 Pembuat (Pakaian & Kelengkapan)  <b>Dan / Atau</b>  222401 Menjahit Pakaian & Kelengkapan	15 Julai 2020 (Rabu)  Hingga  21 Julai 2020 (Selasa)	<b>Tarikh</b>  21 Julai 2020 (Selasa)  <b>Waktu</b>  12.00 Tengahari	RM 40.00

2. Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan dibeli dengan bayaran wang tunai di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan** mulai **15 Julai 2020** sehingga **21 Julai 2020** mengikut waktu berikut:

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN PELANGGAN, MPM	
ISNIN-KHAMIS	8.15 pagi – 1.00 petang	2.15 petang – 4.15 petang
JUMAAT	8.15 pagi – 12.00 tengahari	2.45 petang – 4.15 petang

Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh di atas.

3. Semasa **pembelian Dokumen Sebut Harga**, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SESALINAN DOKUMEN** berikut (tidak dikembalikan) bersama **CAP SYARIKAT**:
  - a. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan serta masih berkuatkuasa;
  - b. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan yang masih berkuatkuasa; dan
  - c. Salinan Perakuan Pendaftaran Borang D (Perakuan Pendaftaran) atau Borang E (Perakuan Pembaharuan Pendaftaran), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Syarikat Enterprise; lengkap bersama senarai nama pemilik.
4. Kontraktor dinasihatkan untuk membuat pendaftaran lebih awal iaitu **Sebelum Tarikh Mula Penjualan** Dokumen Sebut Harga untuk mengelakkan kelewatan pembelian dan penghantaran Dokumen Sebut Harga. Sila buat pendaftaran terlebih dahulu di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung. Kontraktor yang tidak mendaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung, tidak dibenarkan untuk membeli Dokumen Sebut Harga.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada 21 Julai 2020**. Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.
6. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.
7. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Manjung,  
Jalan Pinang Raja,  
32040 Seri Manjung,  
PERAK DARUL RIDZUAN.**